



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

GARIS PANDUAN PELESENAH PREMIS PERNIAGAAN & IKLAN (LESEN KOMPOSIT)

BAHAGIAN PELESENAH
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA
KEDAH DARUL AMAN
NO TEL : 04-9183300 (SAMBUNGAN 321)
NO FAKS : 04-9174057

TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN

April 2021

PENGENALAN

1. PENGENALAN / LATARBELAKANG

Lesen premis perniagaan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kubang Pasu untuk mewujudkan peluang-peluang kepada masyarakat tempatan bergiat dalam aktiviti sosio-ekonomi tanpa mengira kaum di samping dalam memastikan setiap jenis perniagaan yang dijalankan adalah yang dibenarkan serta tapak perniagaan yang dijalankan adalah selamat, sesuai dan dalam lingkungan persekitaran setempat. Ia juga sebagai rekod bagi mengawal dan merancang pembangunan perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kubang Pasu.

2. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGETUAAN LESEN

2.1 Akta - Akta:

- 2.1.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 2.1.2 Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan - peraturan Kebersihan Makanan 2009

2.2 Undang - Undang Kecil :

- 2.2.1 Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKP) 2010
- 2.2.2 Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKP) 2010 Pindaan
- 2.2.3 Undang-Undang Kecil Iklan (MDKP) 2010
- 2.2.4 Undang-Undang Kecil Hotel (MDKP) 2011
- 2.2.5 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2019

2.3 Garispanduan

- 2.3.1 Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011)
- 2.3.2 Garis Panduan Papan Iklan Luar 2009
- 2.3.3 Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak di Premis Makanan Pihak Berkuasa Tempatan

3. OBJEKTIF/TUJUAN PELESENAN

- 3.1 Mewujudkan peluang-peluang kepada masyarakat tempatan bergiat dalam aktiviti sosio-ekonomi tanpa mengira kaum
- 3.2 Membantu kerajaan dalam melaksanakan dan mencapai Dasar Pembangunan baru
- 3.3 Sebagai maklumat/rekod bagi mengawal dan merancang pembangunan perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kubang Pasu
- 3.4 Mengawal daripada kacau-ganggu dan pencemaran alam sekitar
- 3.5 Memastikan tapak perniagaan selamat dan sesuai dari segi kesihatan dan persekitaran

4. MAKLUMAT PEGAWAI/JABATAN UNTUK DIHUBUNGI

Sebarang urusan melibatkan permohonan dan kelulusan sesuatu lesen perniagaan boleh menghubungi di talian Majlis Perbandaran Kubang Pasu (04-9183300) sambungan talian 321 (Bahagian Pelesenan, Jabatan Kesihatan Persekutaran)

5. SKOP PELESENAN

- 5.1 Lesen premis perniagaan khas kategori berisiko tinggi
(Contoh : Lesen Industri/Pengilangan/Pergudangan, Lesen Komposit Hotel, Lesen Premis Hiburan, Lesen Petroleum, Lesen Rumah Sembelihan, Lesen Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan dan lain-lain yang berkenaan)
- 5.2 Lesen premis perniagaan khas kategori tidak berisiko tinggi
(Contoh : Lesen Kedai Makanan dan Minuman, Lesen Kedai Pakaian, Lesen Kedai Runcit dan lain-lain yang berkenaan)
- 5.3 Lesen papan iklan

6. MAKLUMAT SEKATAN / PEMBEKUAN PELESENAN

Rantaian Pelesenan Perniagaan

Sebelum memulakan perniagaan, pemilihan lokasi dan premis bangunan untuk menjalankan perniagaan yang hendak digunakan mestilah mematuhi dan memenuhi syarat-syarat asas yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Kubang Pasu dan agensi-agensi teknikal yang terlibat terutamanya yang berkaitan :

- 6.1 Syarat status kegunaan tanah bertepatan dengan aktiviti perniagaan yang hendak dijalankan

- 6.2 Kelulusan pembinaan bangunan perniagaan
- Mempunyai Sijil Layak Menduduki [*Certificate of Fitness (CF)*] atau Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan [*(Certificate of Completion and Compliance (CCC))*]
ATAU;
 - Mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang Terhad (KMT) serta Permit Bangunan Sementara yang dikeluarkan oleh jabatan teknikal dalaman Majlis Perbandaran Kubang Pasu
- 6.3 Kelulusan ubahsuai bangunan (jika berkaitan)
- 6.4 Pendaftaran entiti perniagaan dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM) atau Badan Pendaftar berkaitan
- 6.5 Mendapatkan lesen dan mematuhi peraturan kementerian atau agensi berkaitan mengikut jenis perniagaan yang dijalankan

KEPERLUAN PEMATUHAN

7. SYARAT ASAS / KEPERLUAN PEMATUHAN SEBELUM PERMOHONAN

Pemohon mestilah terdiri daripada **Warganegara Malaysia** serta berumur **18 tahun dan ke atas**.

8. SYARAT ASAS / KEPERLUAN PEMATUHAN SELEPAS KELULUSAN

- 8.1 Pemohon perlu membawa bersama :
- Sekeping gambar berukuran passport untuk dilekatkan di lesen perniagaan yang dicetak
 - Wang secukupnya untuk pembayaran fi lesen yang diluluskan
- 8.2 Menggantung/mempamerkan lesen yang dicetak di premis perniagaan di tempat yang mudah dilihat
- 8.3 Mematuhi segala syarat-syarat am pelesenan MPKP seperti yang tertakluk dengan akta-akta/ undang-undang kecil/ garis panduan yang digunakan

KAEDAH PERMOHONAN

9. CARA PERMOHONAN

9.1 Secara bersemuka

- Pemohon perlu mendapatkan borang permohonan berwarna kuning (Borang Komposit Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Lesen Iklan Untuk Perniagaan) di Kaunter Bahagian Pelesenan MPKP
- Pemohon perlu mengisi borang selengkapnya dan mengepil bersama dokumen sokongan seperti yang dikehendaki

- Pemohon perlu mengembalikan borang yang lengkap di Kaunter Bahagian Pelesenan MPKP bersama wang bayaran proses permohonan lesen untuk tujuan pemprosesan lesen

10. BORANG PERMOHONAN & KEPERLUAN DOKUMEN SOKONGAN

- 10.1 Borang Komposit Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Lesen Iklan Untuk Perniagaan
- 10.2 Dokumen sokongan:

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN
1	Salinan sijil pendaftaran perniagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) : <ul style="list-style-type: none"> • Borang D (Kaedah 13) (Perakuan Pendaftaran) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau; • <i>Certificate of Incorporation of Private Company (Companies Act 2016)</i>
2	Salinan kad pengenalan pemohon
3	Dua (2) keping gambar pemohon
4	Pelan lokasi premis perniagaan
5	Pelan lantai premis perniagaan
6	Gambar premis (Hadapan premis, belakang premis, dalam premis dan tepi premis)
7	Salinan geran/surat hak milik (jika bangunan milik sendiri) Atau; Salinan surat perjanjian atau kebenaran tuan tanah (jika sewa) serta salinan geran/surat hak milik tuan tanah
8	Lakaran papan iklan dan saiz papan iklan <ol style="list-style-type: none"> i. Iklan hendaklah mendapat kelulusan bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu sebelum permohonan dikemukakan di Majlis ini. (Layari laman web www.dbp.gov.my) ii. Tulisan hendaklah mengutamakan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) iii. Iklan memaparkan visual yang sopan
9	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki (CF) / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)
10	Salinan surat sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Jika dinyatakan perlu oleh pentadbiran Majlis Perbandaran Klang Pasu)
11	Salinan cukai taksiran terkini/ slip bayaran sewa ruangniaga Majlis
12	Surat wakil & salinan kad pengenalan wakil pemohon lesen

11. MAKLUMAT BAYARAN (FI/CAJ) YANG DIKENAKAN

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Wang proses permohonan lesen (Bayaran sewaktu pemohon mengemukakan permohonan di Kaunter Bahagian Pelesenan, MPKP)	RM 10.00	Secara tunai di kaunter bayaran hasil Majlis Perbandaran Kubang Pasu
2	Fi lesen (Bayaran tetap yang dikenakan secara tahunan setelah permohonan diluluskan)	Tertakluk kepada jenis lesen/aktiviti/perniagaan yang dijalankan	


12. PIAGAM PELANGGAN

Pemohon yang hendak menjalankan perniagaan perlu mengemukakan dan mendapatkan kelulusan sesuatu lesen perniagaan daripada Majlis Perbandaran Kubang Pasu terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu operasi perniagaan dan tempoh pemprosesan sesuatu lesen adalah seperti berikut:

KATEGORI PERMOHONAN LESEN	TEMPOH PEMPROSESAN DAN KELULUSAN LESEN
Perniagaan kategori berisiko tinggi	30 hari
Perniagaan kategori tidak berisiko tinggi	24 jam


13. CARTA ALIR PROSES UTAMA

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN [PERNIAGAAN KATEGORI BERISIKO TINGGI]



30 HARI

**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN
[PERNIAGAAN KATEGORI TIDAK BERISIKO TINGGI]**



14. KAEADAH MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 14.1 Permohonan bagi perniagaan kategori berisiko tinggi
- Surat pemberitahuan dan lesen perniagaan dicetak bagi permohonan yang diluluskan
 - Panggilan ke talian telefon pemohon akan dilakukan bagi pemakluman kelulusan permohonan lesen tersebut
- 14.1 Permohonan bagi perniagaan kategori tidak berisiko tinggi
- Lesen perniagaan yang diluluskan akan dicetak serta merta dan diserahkan kepada pemohon sewaktu pemohon mengemukakan borang permohonan serta dokumen sokongan yang lengkap di Kaunter Bahagian Pelesenan MPKP

PEMBAHARUAN, PINDAAN DAN PEMBATALAN

15. MAKLUMAT PEMBAHARUAN / PINDAAN / PEMBATALAN LESEN PERNIAGAAN

15.1 Pembaharuan lesen perniagaan

- 15.1.1 Pemohon dikehendaki membawa bersama dokumen seperti berikut sewaktu memperbaharui lesen perniagaan di Kaunter Bahagian Pelesenan MPKP :
- Lesen perniagaan tahun semasa
 - Sekeping gambar berukuran passport
 - Wang secukupnya seperti fi fi lesen tahun semasa (Jika tiada sebarang pindaan butiran perniagaan)

15.1.2 Pembaharuan lesen perniagaan hendaklah dilakukan sebelum tamat tempoh lesen perniagaan tahun semasa

15.2 Pindaan butiran perniagaan

- 15.2.1 Pemohon perlu mengisi Borang Penambahan/Pembatalan Butiran Jenis Perniagaan dan mengemukakan borang tersebut di Kaunter Bahagian Pelesenan MPKP
- 15.2.2 Caj fi lesen baru akan dikenakan sewaktu melakukan pembaharuan lesen selepas tamat tempoh lesen tahun semasa

15.3 Pembatalan lesen perniagaan

- 15.3.1 Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Membatalkan Lesen Perniagaan dan mengemukakan borang tersebut di Kaunter Bahagian Pelesenan MPKP

- 15.3.2 Lesen akan dibatalkan di sistem pelesenan Majlis Perbandaran Kubang Pasu
- 15.3.3 Pemohon akan diarahkan untuk membuat tuntutan semula wang pertaruhan papan iklan dengan mengisi Borang Permohonan Wang Pertaruhan Iklan sekiranya pernah menjelaskan bayaran wang pertaruhan papan iklan tersebut

16. RUJUKAN YANG BERKAITAN

- Tiada



**BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04-9183300
FAKS : 04-9174057

**BORANG KOMPOSIT PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN
LESEN IKLAN UNTUK PERNIAGAAN**

(Borang hendaklah diisi dengan lengkap sebelum mengemukakan permohonan ke Bahagian Pelesenan)

NAMA PEMOHON :

NAMA SYARIKAT :

Dihantar oleh,

Tandatangan :

Nama :

UNTUK KEGUNAAN DI PEJABAT

NO. RUJUKAN PENDAFTARAN :

NO. RUJUKAN FAIL :

Diterima oleh,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

[CAP PENERIMAAN DI KAUNTER PELESENAN]

***SILA JELASKAN BAYARAN PROSES PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN RM 10.00
DI KAUNTER BAYARAN HASIL MPKP**

BORANG KOMPOSIT BAGI PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

1.0 SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN

BIL	DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN	UNTUK SEMAKAN	
		PEMOHON	PEJABAT
1	Salinan sijil pendaftaran perniagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) : <ul style="list-style-type: none"> • Borang D (Kaedah 13) (Perakuan Pendaftaran) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau; • <i>Certificate of Incorporation of Private Company (Companies Act 2016)</i> 		
2	Salinan kad pengenalan pemohon		
3	Dua (2) keping gambar pemohon		
4	Pelan lokasi premis perniagaan		
5	Pelan lantai premis perniagaan		
6	Gambar premis (Hadapan premis, belakang premis, dalam premis dan tepi premis)		
7	Salinan geran/surat hak milik (jika bangunan milik sendiri) Atau; Salinan surat perjanjian atau kebenaran tuan tanah DAN salinan geran/surat hak milik pemilik premis (jika sewa)		
8	Lakaran papan iklan dan saiz papan iklan <ul style="list-style-type: none"> iv. Iklan hendaklah mendapat kelulusan bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu sebelum permohonan dikemukakan di Majlis ini. (Layari laman web www.dbp.gov.my) v. Tulisan hendaklah mengutamakan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) vi. Iklan memaparkan visual yang sopan 		
9	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki (CF) / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)		
10	Salinan surat sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia		
11	Salinan cukai taksiran terkini/ slip bayaran sewa ruangniaga Majlis		
12	Surat wakil & salinan kad pengenalan wakil pemohon lesen [Sekiranya borang permohonan dihantar oleh orang lain (pihak ketiga)]		

Sila pastikan permohonan ini mematuhi syarat yang dikehendaki

(Perhatian : Permohonan yang tidak mengemukakan dokumen yang lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses)

2.0 KEPERLUAN SYARAT TAMBAHAN MELIBATKAN JENIS PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO TINGGI

AKTIVITI DAN JENIS DOKUMEN SOKONGAN	UNTUK SEMAKAN	
	PEMOHON	PEJABAT
1. Premis makanan <ul style="list-style-type: none"> • Sijil Kursus Pengendali Makanan • Kad Suntikan Anti-Typhoid (TY2) • Sijil Akuan Pendaftaran Premis Makanan oleh Jabatan Kesihatan Negeri/Pejabat Kesihatan Daerah • Pemasangan perangkap minyak (Grease Trap) di sinki atau dapur masak • Pemasangan papan tanda “Dilarang Merokok” di kawasan premis makanan 		
2. Farmasi <ul style="list-style-type: none"> • Sijil Perakuan Ahli Farmasi • “Pharmacists Poison Licence” jika ada menjual barang yang dikategorikan sebagai racun 		
3. Pengurup wang berlesen <ul style="list-style-type: none"> • Lesen untuk menjalankan perniagaan Pengurusan Wang daripada Jabatan Kawalan Pertukaran Wang, Bank Negara Malaysia 		
4. Taska/ Tadika/ Nurseri/ Pusat jagaan <ul style="list-style-type: none"> • Surat kelulusan daripada Jabatan Pelajaran Malaysia (tadika sahaja) • Surat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (taska/pusat jagaan/nurseri) • Surat kelulusan Kebenaran Merancang Terhad daripada Jabatan Perancangan, MPKP (bagi premis yang berstatus rumah kediaman) • Sijil Kursus Pengendali Makanan dan Kad Suntikan Anti-Typhoid (TY2) diwajibkan bagi setiap pengendali makanan (jika ada) 		
5. Pusat Tuisyen <ul style="list-style-type: none"> • Surat kelulusan daripada Jabatan Pelajaran Malaysia • Surat kelulusan Kebenaran Merancang Terhad daripada Jabatan Perancangan, MPKP 		

3.0 KEPERLUAN SYARAT TAMBAHAN MELIBATKAN JENIS PERNIAGAAN BERISIKO TINGGI

AKTIVITI DAN JENIS DOKUMEN SOKONGAN	UNTUK SEMAKAN	
	PEMOHON	PEJABAT
1. Perniagaan barang lusuh <ul style="list-style-type: none"> • Permit barang lusuh dari PDRM 		
2. Pengusaha minuman keras/memabukkan (pemborong, stor, penjual) <ul style="list-style-type: none"> • Lesen minuman keras/eksais daripada Pejabat daerah Kubang Pasu 		
3. Pusat hiburan (Pusat karaoke, simulator, kafe siber, snooker, dll.) <ul style="list-style-type: none"> • Lesen hiburan daripada Pejabat Daerah Kubang Pasu 		
4. Pemberi pinjam wang/Pajak gadai <ul style="list-style-type: none"> • Lesen daripada Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) • Surat sokongan daripada PDRM 		
5. Hotel/Rumah tumpangan <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan Kebenaran Merancang daripada MPKP/ permit ubahsuai bangunan • Pendaftaran hotel dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) 		
6. Mesin-mesin industri <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan daripada Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) 		
7. Pusat penyembelihan <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan daripada Jabatan Agama Islam/ JAKIM • Surat sokongan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Kubang Pasu • Surat sokongan daripada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kubang Pasu 		

Sila lekatkan 1
keping gambar
di sini

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMOHON/SYARIKAT

1. NAMA PEMOHON :
2. NO KAD PENGENALAN : 3. TARAF PERKAHWINAN :
4. WARGANEGARA : 5. BANGSA :
6. ALAMAT SURAT MENYURAT :
7. NO TELEFON BIMBIT :

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PERNIAGAAN

1. NAMA SYARIKAT : 2. JAWATAN :
3. ALAMAT PREMIS :
.....
4. NO PENDAFTARAN SYARIKAT/PERNIAGAAN :
5. NO TELEFON SYARIKAT:
6. JENIS PREMIS : RUMAH KEDAI KOMPLEKS KILANG
 GERAI BENGKEL HOTEL
 LAIN-LAIN (NYATAKAN :)
7. KELUASAN LANTAI PREMIS :
8. HAKMILIK PREMIS : SENDIRI SEWA
9. KEDUDUKAN PREMIS : LOT TENGAH LOT TEPI BERSENDIRI
10. JENIS PERNIAGAAN :
11. MASA PERNIAGAAN : a. MASA DIBUKA : b. MASA DITUTUP :
- c. HARI CUTI :

BAHAGIAN C: MAKLUMAT PAPAN IKLAN DI PREMIS PERNIAGAAN

BIL	JENIS IKLAN	BIL UNIT	BIL MUKA	BERLAMPU/ TIDAK BERLAMPU	LOKASI PEMASANGAN	UKURAN (METER)

Perhatian :

- i. Sila lampirkan lakaran/visual iklan berserta ukuran dan lokasi pemasangan iklan yang lengkap.
- ii. Penggunaan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) hendaklah diutamakan dan lebih besar berbanding bahasa lain di Malaysia. Bahasa asing adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN D: PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya _____ mengaku dan mengesahkan bahawa
(Nama Pemohon)
semua maklumat yang tercatat di dalam borang ini dan lampiran-lampiran yang disertakan adalah benar.

Saya berjanji akan mematuhi segala syarat dan kehendak Majlis di dalam pengeluaran lesen. Saya juga bersetuju sekiranya maklumat yang diberi adalah palsu atau saya gagal mematuhi syarat-syarat pengeluaran lesen, majlis berhak membatalkan lesen dan saya berhak dikenakan tindakan perundangan mengikut peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Tandatangan Pemohon :

Tarikh :

.....
Cap Syarikat/Perniagaan (jika ada)

BAHAGIAN E: UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

NO. SIRI PERMOHONAN :

(A) KEGUNAAN PEMBANTU TADBIR BAHAGIAN PELESENAN :

1. SEMAKAN BORANG PERMOHONAN

Disemak oleh :
Tarikh Semakan :

2. CAJ YANG DIKENAKAN :

- | | |
|-----------|-------|
| i. | |
| ii. | |
| iii. | |
| iv. | |

Tandatangan

.....

(B) ULASAN PEGAWAI PELULUS LESEN:

1. KEPUTUSAN PERMOHONAN

LULUS

GAGAL (Nyatakan alasan :

Saya yang menurut perintah,

.....

Tarikh :



BORANG D (KAEADAH 13)



**PERAKUAN PENDAFTARAN
AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956**

Dengan ini diperakui bahawa perniagaan yang dijalankan dengan nama

NO. PENDAFTARAN: [REDACTED]

telah didaftarkan dari hari ini sehingga **24 OGOS 2021** di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, beralamat di [REDACTED]
[REDACTED]

Bil. Cawangan: TIADA

Bertarikh di **SISTEM EZBIZ** pada **25 OGOS 2020**.



NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ
Pendaftar Perniagaan
Semenanjung Malaysia

CONTOH Certificate of Incorporation of Private Company
(Companies Act 2016)
(PERAKUAN PEMERBADANAN SYARIKAT SENDIRIAN)



COMPANIES ACT 2016
(ACT 777)

[Section 17]
CERTIFIED TRUE COPY

10 MAR 2021

EMMY MARLISA BINTI ISMAIL
Company Secretary
License No.:
SSM PC No.: 2

**CERTIFICATE OF INCORPORATION
OF PRIVATE COMPANY**

This is to certify that

is, on and from the 21st day of June 2019, incorporated under the Companies Act 2016, and that the company is a company limited by shares and that the company is a private company.

Dated at **KUALA LUMPUR** this 21st day of June 2019.


DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER
REGISTRAR OF COMPANIES
MALAYSIA